



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



**DOKUMEN SEBUT HARGA
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

MSWP(SH)3/2026

**PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS
DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS
BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA
XXII SELANGOR 2026**

PERINGATAN PENTING

**KESILAPAN MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-MANA
ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA
INI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG
DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

KANDUNGAN

ITEM	PERKARA	MUKA SURAT
NOTIS SEBUT HARGA		4
1.0 KENYATAAN TAWARAN		6
1.1	PELAWAAN SEBUT HARGA	7
1.2	PERATURAN BERKAITAN DOKUMEN SEBUT HARGA	7 - 8
1.3	PERTANYAAN LAZIM	8
2.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA		9
2.1	CADANGAN SEBUT HARGA	10 - 11
2.2	PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA	12
2.3	KEHADIRAN TAKLIMAT	12
2.4	ANGGARAN KEPERLUAN	12
2.5	BON PELAKSANAAN	13
2.6	PEMBAYARAN	13
2.7	DOKUMEN KONTRAK	14
2.8	DENDA	14 - 15
2.9	HAK MSWP UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA	15
2.10	PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA	15
2.11	TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA	15
2.12	PENYEDIAAN SEBUT HARGA	15 - 16
2.13	KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI	16
2.14	PINDAAN DOKUMEN SEBUT HARGA	16
2.15	BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	16
2.16	PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	16 - 17
2.17	SYARAT AM SEBUT HARGA	17
2.18	SYARAT KHAS SEBUT HARGA	17 - 18
3.0 SKOP PEROLEHAN, TEMPOH, TATACARA PELAKSANAAN DAN JAMINAN		19 – 20
4.0 SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA		21 - 25
5.0 KAEDAH PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN		25
6.0 KESIMPULAN		25
7.0 MAKLUMAT LATAR BELAKANG SYARIKAT		26 - 28
8.0 SURAT AKUAN PEMBIDA		29 - 32
9.0 KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT		33 - 34
10.0 SALINAN SIJIL-SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN		35 – 36
11.0 SENARAI KERJA SEMASA		37 - 38
12.0 REKOD PENGALAMAN KERJA		39 - 40
13.0 LAMPIRAN Q		41 - 45

KANDUNGAN**PERKARA****MUKA SURAT**

BORANG-BORANG YANG PERLU DILENGKAPKAN:

I.	LAMPIRAN A	46 - 48
II.	LAMPIRAN B	49 - 50
III.	LAMPIRAN C	51 - 53
IV.	LAMPIRAN D1	31
V.	LAMPIRAN E	5
VI.	LAMPIRAN Q	42 - 45



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN NOTIS SEBUT HARGA

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat tempatan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan** dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

(NO. SEBUT HARGA: MSWP(SH)3/2026)

PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXII SELANGOR 2026

2. Dokumen Sebut Harga hanya boleh diperolehi dengan memuat turun dari **portal rasmi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan** www.wipers.gov.my atau datang ke Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, **62100 Putrajaya**.
3. Dokumen Sokongan Tawaran Sebut Harga (*hardcopy*) iaitu Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan kedua-dua sampul surat berkenaan hendaklah dicatatkan Tajuk Sebut Harga dan Nombor Sebut Harga serta dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat seperti berikut:

**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya**

4. Tarikh tutup tidak lewat dari jam **12.00 tengahari pada 03 Februari 2026 (Selasa)**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga boleh hubungi Encik Mohd Shamshul Kamar Bin Ahmad di talian 03-8892 6608 dan Puan Siti Azlina binti Zubaiyer di talian 03-8892 6702.
5. Keputusan tawaran Sebut Harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam portal rasmi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (www.wipers.gov.my). Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh tutup Sebut Harga.

LAMPIRAN E

SENARAI SEMAK

NO. SEBUT HARGA: MSWP(SH)3/2026

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh JK Pembuka
Cadangan Teknikal			
1	Lampiran C : Spesifikasi a) Beg Pakaian dan Beg Galas bagi Kontinjen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XXII Selangor 2026		
2	Lampiran E : Senarai Semakan		
3	Katalog/Dokumen Sokongan Yang Memenuhi Spesifikasi Perkhidmatan		
4	Pengalaman Syarikat		
Cadangan Kewangan			
1	Lampiran Q		
2	Lampiran A : Borang Tawaran Sebut Harga		
3	Lampiran B : Jadual Tawaran Harga		
4	Maklumat Penyebut Harga		
5	Salinan Penyata Bulanan tiga (3) Bulan Terakhir		
6	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Bumiputera (jika ada)		
7	Lampiran D : Surat Akuan Pembida		
8	Lampiran E : Senarai Semakan		
9	Kerja-Kerja Semasa		
PENGESAHAN OLEH SYARIKAT		UNTUK KEGUNAAN JABATAN	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Tarikh :		Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada). Tandatangan : Nama : Tarikh :	



1.0 KENYATAAN TAWARAN

1.0 KENYATAAN TAWARAN

1.1 Pelawaan Sebut Harga

- 1.1.1 Sebut Harga dipelawa di kalangan syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan masih berkuat kuasa di bawah salah satu kod bidang seperti berikut:

020803 : Bagasi dan Bag

020899 : Pembuat

PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXII SELANGOR 2026

BIL.	PERKARA	KUANTITI	CATATAN
1.	BEG PAKAIAN	1,200	
2.	BEG GALAS	1,200	

1.2 Peraturan Berkaitan Dokumen Sebut Harga

- 1.2.1 Penyebut harga adalah **dilarang** menulis atau mencatat nama/tanda syarikat di dalam DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL. Penyebut harga yang gagal berbuat demikian, akan menyebabkan cadangan tawaran yang dikemukakan tidak dipertimbangkan.
- 1.2.2 Bagi mana-mana dokumen yang mempunyai atau tercatat nama/tanda syarikat, penyebut harga hendaklah memastikan catatan tersebut dipadamkan dengan sempurna.
- 1.2.3 Penyebut harga bertanggungjawab mengemukakan maklumat yang dikehendaki dengan tepat dan lengkap.
- 1.2.4 Sebarang pindaan atau pembetulan yang dilakukan oleh Penyebut harga hendaklah ditandatangani oleh penyebut harga yang berkenaan. Pindaan yang dibuat tanpa tandatangan dianggap tidak sah dan tawaran Sebut Harga tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 1.2.5 Sebarang pembetulan atau tambahan maklumat selepas masa dan tarikh tutup Sebut Harga tidak akan dilayan.

- 1.2.6 Penyebut harga yang gagal mematuhi syarat-syarat Sebut Harga dan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan dengan tepat dan lengkap boleh menyebabkan tawarannya tidak dipertimbangkan.

1.3 Pertanyaan Lazim

- 1.3.1 Sebarang pertanyaan mengenai urusan Sebut Harga berkenaan boleh dibuat ke alamat seperti di bawah:

**Urusetia Sebut Harga
Bahagian Khidmat Pengurusan
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



2.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

2.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

2.1 Cadangan Sebut Harga

2.1.1 Cadangan Sebut Harga hendaklah dibuat menggunakan;

- i. Dokumen manual (*hardcopy*) dan lampiran-lampiran yang disediakan hendaklah dihantar secara manual. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan Sebut Harga akan ditolak.

2.1.2 Dokumen tawaran Sebut Harga (manual) hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat berasingan dan dituliskan seperti berikut:

- i. **SAMPUL A – CADANGAN KEWANGAN**
- ii. **SAMPUL B – CADANGAN TEKNIKAL**

SAMPUL A dan **SAMPUL B** yang berlakri dicatatkan di sebelah kiri (atas) dituliskan seperti berikut:

PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXII SELANGOR 2026

2.1.3 **Cadangan Kewangan** bagi Sebut Harga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bertanda **Sampul A**. Kandungan Sampul A adalah seperti berikut:

Sampul A – Cadangan Kewangan

1	Lampiran Q	YA
2	Lampiran A : Borang Tawaran Sebut Harga	YA
3	Lampiran B : Jadual Tawaran Harga	YA
4	Maklumat Penyebut harga	YA
5	Salinan Penyata Bulanan tiga (3) Bulan Terakhir	YA
6	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Bumiputra (jika ada)	YA
7	Lampiran D : Surat Akuan Pembida	YA
8	Lampiran E : Senarai Semakan	YA
9	Kerja-Kerja Semasa	YA

- 2.1.4 **Cadangan Spesifikasi Teknikal** bagi Sebut Harga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bertanda **Sampul B**. Kandungan Sampul B adalah seperti berikut:

Sampul B – Cadangan Teknikal

1	Lampiran C (i) – C (Viii): Spesifikasi	YA
2	Lampiran E : Senarai Semakan	YA
3	Katalog/Dokumen Sokongan Yang Memenuhi Spesifikasi Perkhidmatan	YA
4	Pengalaman Syarikat	YA

- 2.1.5 Semua LAMPIRAN yang diisi sempurna perlu dikemukakan sebagai suatu tawaran dan akan dijadikan panduan dalam penilaian dan pemilihan Penyebut harga. Tawaran yang tidak lengkap akan ditolak.
- 2.1.6 Penyebut harga hendaklah menyebut harga bagi semua bekalan/perkhidmatan (mana berkenaan) yang disenaraikan secara terperinci di ruangan Cadangan Kewangan dan membuat cadangan mengenai bekalan/perkhidmatan (mana berkenaan) yang sesuai dengan keperluan MSWP pada ruangan Cadangan Teknikal.
- 2.1.7 Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan tujuan ketelusan Penyebut harga mestilah menandatangani pada tiap-tiap helai dokumen Cadangan Sebut Harga (secara manual) yang dikemukakan di sudut kanan sebelah atas dan mestilah diberi nombor muka surat yang bersiri mengikut susunannya.
- 2.1.8 Penyebut harga diminta supaya menghantar cadangan Sebut Harga (secara manual) dengan tangan ke dalam peti Sebut Harga yang disediakan. MSWP tidak akan bertanggungjawab sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya bagi dokumen yang dihantar melalui pos. Dokumen Sebut Harga tidak akan diterima selepas tarikh tutup.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 2.2.1 Cadangan Sebut Harga (secara manual) yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga iaitu **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 03 Februari 2026 (Selasa).**

- 2.2.2 Dokumen Sebut Harga yang telah ditandatangani hendaklah dimasukkan sendiri ke dalam peti Sebut harga yang ditempatkan di alamat berikut:

**Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya**

2.3 Anggaran Keperluan

- 2.3.1 MSWP tidak menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa kuantiti yang disebutkan dalam pelawaan Sebut Harga ini akan dipesan kesemuanya. Walau bagaimanapun penyebut harga yang berjaya mestilah bersedia untuk mmbekalkan pesanan tambahan sekiranya melebihi kuantiti yang dianggarkan dengan harga seunit/item dan spesifikasi yang sama.

2.4 Bon Pelaksanaan

- 2.4.1 Bagi Penyebut Harga yang berjaya, sebelum apa-apa Perjanjian atau kerja dimulakan hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah sebanyak 2.5% bagi kontrak bernilai RM200,000.00 hingga RM500,000.00 dan 5% bagi kontrak melebihi RM500,000.00 daripada jumlah kontrak setahun.
- 2.4.2 Bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bagi Kontrak yang tidak melebihi RM500,000.00 jaminan insurans dari syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan boleh diterima selain jaminan bank. Bon Pelaksanaan hendaklah sah laku tidak kurang dari 12 bulan selepas tempoh jaminan.

2.5 Pembayaran

- 2.5.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.
- 2.5.2 Pembayaran hanya akan dibuat setelah kontrak ditandatangani oleh Penyebut harga yang berjaya dan pihak MSWP.
- 2.5.3 Pembayaran akan dibuat sekiranya semua bekalan atau perkhidmatan bagi setiap satu jenis item dalam kontrak yang dibekal berperingkat-peringkat telah dilaksanakan dengan sempurna, sebagaimana yang telah dipersetujui dan disahkan oleh MSWP mengikut harga yang dipersetujui atau harga per item, mengikut mana-mana yang berkaitan.

- 2.5.4 Sekiranya MSWP tidak berpuas hati dengan bekalan yang dibekalkan, MSWP berhak untuk tidak membuat sebarang pembayaran.
- 2.5.5 Bagi kontrak kuantiti bermasa, pembayaran akan dibuat selepas menerima invois daripada pihak Penyebut harga yang berjaya dengan syarat semua dokumen mencukupi dikemukakan dan mengikut jadual kadar harga yang dipersetujui.

2.6 Dokumen Kontrak

- 2.6.1 Dokumen ini adalah dianggap sebagai kontrak antara MSWP dan Penyebut harga sehingga Dokumen Kontrak penuh dimeterai oleh kedua-dua pihak. Perkara-perkara di dalam dokumen ini (mana-mana berkaitan) akan dijadikan sebagai asas kontrak yang akan dimuktamadkan kelak.
- 2.6.2 Semua syarat yang terkandung didalam dokumen Sebut Harga atau di mana-mana jadual yang terdahulu adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara MSWP dan Penyebut harga yang berjaya.
- 2.6.3 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak MSWP dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 2.6.4 Dokumen kontrak yang lengkap akan disediakan selepas Sebut Harga ditawarkan kepada Penyebut harga yang berjaya.
- 2.6.5 Surat Setuju Terima Sebut Harga (SST) yang dihantar oleh MSWP kepada Penyebut harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara MSWP dan Penyebut harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

2.7 Denda

- 2.7.1 Sekiranya Penyebut harga gagal menyempurnakan bekalan pada tarikh yang dipersetujui, Penyebut harga adalah dikehendaki membayar pampasan wang berjumlah **sepuluh peratus (10%)** daripada nilai harga bekalan yang tidak disempurnakan mengikut hari yang dipersetujui.
- 2.7.2 Sekiranya terdapat aduan ketidakpuasan hati oleh pengguna berhubung mutu bekalan yang telah diberikan dan MSWP

mendapati ianya berasas, Penyebut harga adalah dikehendaki membayar denda berjumlah **lima peratus (5%)** daripada nilai harga bekalan tersebut.

2.7.3 Pampasan wang/denda ini akan diambil daripada jumlah bayaran yang dituntut oleh Penyebut harga bagi bayaran bekalan yang berikutnya.

2.7.4 Bagi pelaksanaan bekalan yang terpaksa ditangguhkan kerana rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau yang seumpama, MSWP boleh membenarkan pengecualian atau penangguhan pelaksanaan ke atas bekalan tersebut dengan syarat Penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab perkhidmatan tertangguh dan masa yang diperlukan.

2.8 Hak MSWP Untuk Menerima/Menolak Sebut Harga

2.8.1 MSWP adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.9 Perbelanjaan Penyediaan Sebut Harga

2.9.1 Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

2.10 Tempoh Sah Laku Sebut Harga

2.10.1 Sebut Harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga.

2.11 Penyediaan Sebut Harga

2.11.1 Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- i. Harga dan tandatangan Penyebut harga di Ringkasan Sebut Harga;
- ii. Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga;
- iii. Senarai Kerja Dalam Tangan;

iv. Jadual Kadar Harga; dan

v. Butir-butir Spesifikasi.

2.11.2 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.12 Keperluan dan Spesifikasi

2.12.1 Keperluan dan spesifikasi bagi skop perkhidmatan ini adalah dinyatakan dalam Spesifikasi Sebut Harga seperti di **Lampiran A dan B.**

2.13 Pindaan Dokumen Sebut Harga

2.13.1 Pihak MSWP berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh Tutup Penghantaran Sebut Harga meminda Dokumen Sebut Harga dengan menyediakan *Addendum*. MSWP akan memberikan notis secara bertulis kepada Penyebut harga bagi pindaan yang dibuat.

2.14 Bayaran Dokumen Sebut Harga

2.14.1 Tiada bayaran dikenakan bagi dokumen Sebut Harga ini.

2.15 Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

2.15.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).

2.15.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).

2.15.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil

sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).

- 2.15.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).

2.16 Syarat Am Sebut Harga

- 2.16.1 Syarat Am Sebut Harga hendaklah dibaca bersekali untuk Sebut Harga ini.

2.17 Syarat Khas Sebut Harga

- 2.17.1 Item yang dibekalkan mestilah mengikut spesifikasi reka bentuk, warna dan jenis kain seperti yang dinyatakan atau sampel yang dihantar.
- 2.17.2 Perincian spesifikasi lakaran adalah seperti di Lampiran A dan B.
- 2.17.3 MSWP tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. MSWP berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana Penyebut Harga. Penyebut Harga juga boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item/pakej. Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu tawaran yang berasingan.



3.0 SKOP PEROLEHAN, TEMPOH, TATACARA PELAKSANAAN DAN JAMINAN

3. SKOP PEROLEHAN, TEMPOH, TATACARA PELAKSANAAN DAN JAMINAN

3.1 Skop Perolehan

3.1.1 PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXII SELANGOR 2026;

BIL	PERKARA	KUANTITI	CATATAN
1.	BEG PAKAIAN	1,200	
2.	BEG GALAS	1,200	

3.2 Tempoh Pelaksanaan

- 3.2.1 Tempoh perkhidmatan dan kontrak adalah selama tiga (3) bulan mulai tarikh SST ditawarkan kepada penyebut harga yang berjaya.
- 3.2.2 Tempoh penghantaran dan pembekalan adalah selewat-lewatnya tiga (3) bulan daripada tarikh SST ditandatangani.

3.3 Tatacara Pelaksanaan

- 3.3.1 Penyebut harga yang berjaya akan dikehendaki memaklumkan dan mengemukakan satu format borang penghantaran apabila pembekalan telah dibuat; dan
- 3.3.2 Borang penghantaran tersebut hendaklah ditandatangani oleh Urusetia yang telah dikenal pasti yang menerima pembekalan.

3.4 Jaminan

- 3.4.1 Jaminan di atas bekalan bagi semua deskripsi tersebut adalah tiga (3) bulan dan pembekal bertanggungjawab atas apa yang dibekalkan.



4.0 SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

4. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

4.1 Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan ditempat lain pelawaan ini, syarat-syarat yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

i. Keadaan Barang

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

ii. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk SST serta semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan dan sah laku selama **90 hari** dari tarikh tutup Sebut Harga.

iii. Sebut Harga Sebahagian

Sebut Harga hendaklah ditawarkan bagi semua bilangan item.

iv. Barang-Barang Setara

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

v. Persetujuan

MSWP tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga.

vi. Pemeriksaan

a. MSWP adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

b. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

vii. Perakuan Menyatakan Penentuan Telah Dipatuhi

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau syarat (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

viii. Penolakan

- a. Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui Sebut Harganya boleh ditolak
- b. Barang-barang yang ditolak akan menjadi tanggungan kepada Penyebut harga, dan ia hendaklah membayar balik kepada MSWP segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- c. Bagi perkara (i) dan (ii) di bawah syarat-syarat am sebut harga, membenarkan MSWP berhak mendapat ganti rugi jika berlaku pelanggaran kontrak.

ix. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pengarah MSWP terlebih dahulu.

x. Tafsiran

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

xi. Insurans

Tiada apa-apa insurans atau barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Sebut Harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**i. Cukai**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

ii. Pembungkusan

a. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk kos bungkusan dan belanja pembungkusan.

b. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat, hendaklah diganti oleh Penyebut harga.

iii. Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**iv. Cukai**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

v. Mata Wang

Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.

vi. Pembungkusan

a. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.

b. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

c. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut harga.

5. KAEDAH PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 5.1. Penyebut harga adalah tertakluk kepada Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) mengenai pelaksanaan ***Integrity Pact*** bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan MSWP. Sehubungan dengan itu, Penyebut harga **DIWAJIBKAN** mengisi Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran D1**.

6. KESIMPULAN

- 6.1 Penyebut harga adalah dinasihat berhati-hati di dalam penyediaan semua maklumat dan memastikan maklumat yang perlu diisi di semua jadual adalah dipatuhi.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



7.0 MAKLUMAT LATAR BELAKANG SYARIKAT

MAKLUMAT LATAR BELAKANG SYARIKAT

(Arahan kepada Syarikat: semua maklumat-maklumat di dalam borang ini hendaklah diisikan oleh Syarikat dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan Borang Sebut Harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan Sebut Harga ini ditolak atau/dan mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas Syarikat berkenaan)

BAHAGIAN A : MAKLUMAT ASAS

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
.....
.....
No. Telefon Pejabat :
3. No. Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan :
4. Tarikh Didaftarkan :
5. Tempoh Sah Pendaftaran : Dari:.....Hingga:.....
6. (i) Taraf Bumiputera : YA / TIDAK *
- (ii) Tarikh Kuatkuasa :
- (iii) Tarikh Tamat :
7. Bagi Syarikat Sdn Bhd, nyatakan :
 - a) Modal Dibenarkan :
 - b) Modal Berbayar :

***potong mana yang tidak berkenaan**

AHLI-AHLI SYARIKAT/PEMILIK**i) Ahli Lembaga Pengarah**

Bil	Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

ii) Ahli-Ahli Pengurusan

Bil	Nama	Jawatan	Kelulusan Akademik/ Ikhtisas



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



8.0 AKUAN PEMBIDA

LAMPIRAN D**KAEDAH PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*****Peringkat Pertama – Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh petender /penyebut harga**

Kesemua petender/penyebut harga yang menghantar dokumen tender/sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran D1**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran petender/penyebut harga.

Peringkat Kedua – Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh petender /penyebut harga berjaya

Petender/penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **Lampiran D2**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima. (Akan disertakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima).



SURAT AKUAN PEMBIDA BAGI

**PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR
BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN
KE SUKMA XXII SELANGOR 2026**

NO. SEBUT HARGA: MSWP(SH)3/2026

Saya,..... nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
NAMA

(K/P)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan



SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA BAGI

**PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR
BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN
KE SUKMA XXII SELANGOR 2026**

NO. SEBUT HARGA: MSWP(SH)3/2026

Saya,.....nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN** atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut di ambil:

- 2.1. penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga * di atas; atau
- 2.2. penamatan kontrak bagi sebut harga* di atas; atau
- 2.3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

NAMA

(K/P)

Cop Syarikat :



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



9.0 KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT

1. Sila sertakan dokumen berikut:

- a. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut Harga
- b. Sebut Harga yang tidak disertakan dengan salah satu dokumen di atas akan **DITOLAK**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



10.0 SALINAN SIJIL-SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN

1. Sila sertakan **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL AKUAN BUMIPUTERA.**
2. Sila sertakan **SALINAN SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM).**
3. Sila sertakan **SURAT PENDAFTARAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (SST).**
4. Sila sertakan **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC).**
5. Sila sertakan **LAIN-LAIN SIJIL YANG BERKAITAN** (jika ada).



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



11.0 SENARAI KERJA SEMASA

SENARAI KERJA SEMASA

(Senarai semua kontrak di dalam tangan/sedang berjalan dan belum selesai termasuk kontrak yang baru ditawarkan)

Bil	Nama Kontrak	Pelanggan (Kementerian/ Agensi)	Nilai Kontrak	Tempoh Kontrak

Nota: Sila Sertakan Bukti



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



12.0 REKOD PENGALAMAN KERJA

REKOD PENGALAMAN KERJA
(Senarai semua rekod pengalaman dalam 3 tahun lepas)

Bil	Nama Kontrak	Pelanggan (Kementerian/ Agensi)	Nilai Kontrak	Tempoh Kontrak

Nota: Sila Sertakan Bukti



13.0 LAMPIRAN Q

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga: MSWP(SH)3/2026
--

(Kew.284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada(NamaSyarikat).....

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/ Jabatan (Alamat Lengkap)

.....

No.Telefon:

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Aras 2,
Blok 1, Menara Seri Wilayah

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Presint 2, 62100 Putrajaya

Kewangan:

No. Telefon 03-8892 6600

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini 020803/020899

Tarikh: 03 Februari 2026

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1. Syarat penyerahan/penyempurna – Seperti di dalam dokumen sebut harga

- 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki - Seperti di dalam dokumen sebut harga

- 1.3. Arahan pengiriman Seperti di dalam dokumen sebut harga

- 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebut Harga MSWP(SH)3/2026

- 1.5. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari 03 Februari 2026.

- 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:.....

Tandatangan:.....

Nama Pegawai:.....

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan syarat- syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut harga	
	Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan			JUMLAH	_____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih, dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut harga :

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Tarikh:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

(i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

(ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

(ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan telah dipersetujui Sebut Harganya boleh ditolak;

(ii) Apabila diminta, Penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut harga.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



LAMPIRAN A – BORANG TAWARAN SEBUT HARGA

BORANG TAWARAN SEBUT HARGA

Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya

Tuan,

NO. SEBUT HARGA: MSWP(SH)3/2024

**PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG
 PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA
 XXII SELANGOR 2026**

Saya/kami yang bertanda tangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi perkhidmatan yang disebut dengan harga berjumlah **Ringgit Malaysia:**

.....**Sahaja (RM.....).**

Tawaran ini mempunyai sah laku untuk tempoh selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

2. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya:

- a. Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh MSWP untuk penerimaan tawaran kami;
- b. Bahawa MSWP tidak terikat untuk menerima Sebut Harga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga;
- c. Bahawa MSWP berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tawaran Penyebut harga mengikut pakej atau menerima tawaran pakej yang sama daripada lebih satu Penyebut harga;
- d. Bahawa keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad;
- e. Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu (1) ikatan kontrak yang formal akan ditandatangani antara pihak kami dengan MSWP selaras dengan tawaran yang diberikan;
- f. Bahawa Borang Sebut Harga (Borang Tawaran Sebut Harga) berserta dengan Surat Setuju Terima Sebut Harga ini hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat antara MSWP dan Penyebut harga walaupun kontrak yang formal belum dilaksanakan;

- g. Bahawa kami bersetuju untuk menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang dinyatakan;
- h. Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, MSWP boleh menarik balik penganugerahan Sebut Harga yang diberikan dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan
- i. Bahawa kami akan mematuhi segala syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga ini.
- j. Bahawa MSWP berhak membatalkan atau mengubah kontrak formal bagi perkara tersebut di atas tanpa memberi sebarang alasan dan sebab. MSWP tidak akan membayar sebarang pampasan atas ganti rugi yang ditanggung oleh kami.

Bagi pihak Penyebut harga:

Tandatangan Penyebut harga :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat/Cop Syarikat :

.....

.....

Di hadapan:

Tandatangan Saksi :

Nama Penuh Saksi :

No. Kad Pengenalan Saksi :

Alamat :



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



LAMPIRAN B – JADUAL TAWARAN HARGA

LAMPIRAN B**JADUAL TAWARAN HARGA**

PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXII SELANGOR 2026

BIL	ITEM	KUANTITI (UNIT)	JUMLAH SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	BEG PAKAIAN	1,200		
2.	BEG GALAS	1,200		
JUMLAH				

PENYEBUT HARGA PERLU MENGAMBIL KIRA CUKAI PERKHIDMATAN SEBANYAK 8% DALAM TAWARAN HARGA.

Saya bersetuju untuk menawarkan pembekalan ini dengan nilai harga RM

Tawaran ini adalah sah bagi tempoh sah laku : **90 hari** dari tarikh tutup Sebut Harga.

.....
Meterai atau Cop Pembekal
Tandatangan Pemilik/Wakil

Nama Penuh:.....

No. K/P :.....

Alamat :.....



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



LAMPIRAN C – SPESIFIKASI DAN LAKARAN

SPESIFIKASI KEPERLUAN

No. Rujukan Sebut Harga : MSWP(SH)3/2026

Tajuk Sebut Harga : Perkhidmatan Mereka, Membekal, Membungkus Dan Menghantar Beg Pakaian dan Beg Galas Bagi Kontinjen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XXII Selangor 2026

1. Sukacita dimaklumkan bahawa saya/kami menawarkan untuk membekal barangan di atas tertakluk kepada semua syarat dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) seperti berikut:
2. Ciri-ciri Spesifikasi:

BIL.	PERIHAL BARANG	KUANTITI	TARAF (W/U) (WAJIB – W) (UMUM – U)	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN TERPERINCI (WAJIB DIIS)
A.	Pembekal dikehendaki untuk melaksanakan Perkhidmatan Mereka, Membekal, Membungkus Dan Menghantar Beg Pakaian dan Beg Galas Bagi Kontinjen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XXII Selangor 2026 di lokasi yang ditetapkan.		W		
B.	Lokasi Penghantaran Perkhidmatan: i. Pembekal yang berjaya WAJIB membuat penghantaran perkhidmatan mengikut alamat seperti di bawah: Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya		W		

C.	Beg Pakaian [Lakaran di Lampiran A] Nota: Sila rujuk spesifikasi seperti lakaran di Lampiran A.	1,200	W		
D.	Beg Galas [Lakaran di Lampiran B] Nota: Sila rujuk spesifikasi seperti lakaran di Lampiran B.	1,200	W		

3. Reka Bentuk (Design)

- (i) Cadangan Reka Bentuk (Design) bagi **Beg Pakaian dan Beg Galas** seperti mana dinyatakan di (2) di atas dan sampel jenis material yang siap hendaklah dikemukakan bersama dokumen tawaran. Sampel tidak akan dikembalikan kepada penyebut harga.

RINGKASAN TAWARAN HARGA

Berikut ialah ringkasan harga tawaran bagi pihak saya/kami bagi **PERKHIDMATAN MEREKA, MEMBEKAL, MEMBUNGKUS DAN MENGHANTAR BEG PAKAIAN DAN BEG GALAS BAGI KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXII SELANGOR 2026**

BIL.	RINGKASAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA KESELURUHAN (RM)
1.	BEG PAKAIAN	1,200		
2.	BEG GALAS	1,200		
JUMLAH KESELURUHAN				

Tandatangan/Cop Pembekal :

.....


Tarikh



BEG PAKAIAN

LAMPIRAN A

MATERIAL	PVC
PRINTING TECH	TATAMI HEATPRESS / DTF HEATPRESS
QUANTITY	1200
TATAMI SAIZ	RUJUK DI (LAMPIRAN C)



SAIZ CHART


WIDTH	90L
HEIGHT	
LENGTH	



BEG GALAS

LAMPIRAN B

MATERIAL	PVC
PRINTING TECH	TATAMI HEATPRESS / DTF HEATPRESS
QUANTITY	1200
TATAMI SAIZ	RUJUK DI (LAMPIRAN C)



SAIZ CHART

WIDTH	35L
HEIGHT	
LENGTH	



3 INCH



3 INCH

TEAM WILAYAH PERSEKUTUAN

9 INCH